

Perspektif Mustafā Al-Sibā'ī Terhadap Orientalis Berdasarkan Kitab Al-Sunnah wa-Makānatuhā Fī al-Tashrī' Al-Islāmī

Zati Nazifah binti Abdul Rahimⁱ

ⁱ Mahasiswa, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

zatinazifah@gmail.com.

Abstrak

Terdapat pelbagai kajian dan hasil penulisan yang membincangkan mengenai metodologi yang digunakan oleh orientalis dalam mengkritik ḥadīth dan seterusnya bagaimana pula metodologi yang digunakan oleh cendekiawan Muslim dalam menyangkal dakwaan mereka. Salah satunya ialah hasil karya tokoh cendekiawan Islam, Mustafā al-Sibā'ī iaitu Kitab Al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī 'al-Islāmī, atau terjemahannya, Sunnah dan Peranannya Dalam Penetapan Hukum Islam. Dalam salah satu bab di dalam kitabnya ini, Mustafā al-Sibā'ī memfokuskan hujahnya bagi menyangkal teori yang dikemukakan oleh Ignaz Goldziher, seorang tokoh orientalis yang menjadi rujukan para sarjana barat dalam mengkritik ḥadīth. Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan menghuraikan serba sedikit berkenaan Mustafā al-Sibā'ī berserta dengan hasil karyanya ini dan seterusnya membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan orientalis terutamanya Goldziher berdasarkan perspektif atau pendapat yang dikemukakan oleh Mustafā al-Sibā'ī.

Kata kunci: *Sunnah, Mustafā al-Sibā'ī, orientalis.*

PENDAHULUAN

Hasil kajian, penulisan dan karya orientalis seringkali dilihat berusaha untuk mencabar keaslian dan kesahihan ḥadīth sebagai sumber kedua dalam perundangan hukum Islam. Dakwaan mereka bahawa koleksi ḥadīth ini dilakukan secara lisan,

maka ianya mudah terdedah kepada pelbagai kesilapan dan pemalsuan. Terdapat dua karya utama daripada orientalis mengenai kajian terhadap kritikan ḥadīth yang wajar dipertimbangkan kerana kedua-duanya telah memberikan impak yang besar dalam membetuk perspektif sarjana Barat mengenai ḥadīth. Seheinggakan kebanyakan penyelidikan dan penulisan sarjana Barat mengenai kajian ḥadīth berlandaskan hasil kajian kedua-dua karya tersebut. Pertama, buku yang berjudul *Muhammedanische Studien*, hasil karya Ignaz Goldziher. Manakala yang kedua ialah *Origins of Muhammadan Jurisprudence*, hasil karya Joseph Schacht.¹ Setelah itu, terdapat ramai lagi orientalis muncul dalam bidang ilmu kritikan ḥadīth seperti Aloys Sprenger, Josef Horowitz, Alfred Guillaume, William Muir, Reynold A. Nicholson, Nabia Abbott, dan G.H.A. Juynboll.²

Mereka menghasilkan banyak karya yang mengemukakan teori dan kritikan mereka sendiri mengenai ḥadīth, justeru menolak metodologi yang diguna pakai oleh ulama ḥadīth Muslim dalam meneliti ḥadīth-ḥadīth Nabi. orientalis kerap mendakwa metodologi kritikan ḥadīth yang tegas dan konsisten terhadap koleksi ḥadīth dapat menyingkap sebilangan besar ḥadīth yang pada hakikatnya tidak tulen mahupun palsu, namun telah diiktiraf oleh para sarjana Muslim sebagai sahih. Justeru, ilmu kritikan ḥadīth telah banyak dimanipulasi oleh orientalis agar ḥadīth Nabi dilihat tidak lagi relevan dan palsu semata-mata. Sebilangan besar sarjana dan ilmuan Muslim terutamanya dalam bidang ḥadīth bangkit untuk mempertahankan dan membidas kritikan yang diberikan oleh orientalis. Mereka percaya bahawa metodologi yang digunakan oleh orientalis untuk mengkritik ḥadīth Nabi pada dasarnya tidak cukup kuat dan sudah tentu boleh diperdebatkan.

Para cendekiawan Muslim dapat membuktikan bahawa metodologi kritikan ḥadīth yang telah dilaksanakan oleh muḥaddithūn sejak sekian lama jauh lebih ilmiah dan tepat daripada pendekatan orientalis moden. Mereka tidak pernah tewas

¹ Mohammed Salem Alshehri. 2014. *Western Works And Views On Ḥadīth: Beginnings, Nature, And Impact*. Marmara Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi. Vol. 46. h. 206.

² Mohd Muhiden. 1997. *Pandangan Orientalis Terhadap al-Ḥadīth dan Jawapannya Dari Perspektif Islam*. Jurnal Usuluddin. h. 77.

menyangkal dan memberikan hujah balas terhadap setiap kritikan yang dilemparkan oleh orientalis. Muncul tokoh-tokoh hebat bersama karya-karya ulung mereka seperti Ṣubḥī al-Ṣāliḥ dengan bukunya *'Ulūm al-Ḥadīth wa-Muṣṭalaḥuh*³, Muṣṭafā al-A'zamī dengan bukunya buku, *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawī wa-Tārīkh Tadwīnih*⁴, 'Ajjāj al-Khaṭīb dengan bukunya, *Al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*⁵ serta yang akan dibincangkan dalam kajian ini iaitu hasil karya dari Mustafā al-Sibā'ī yang berjudul *Al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*.⁶

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif dan tertumpu pada perspektif, pandangan dan pendapat sarjana Muslim, Mustafā al-Sibā'ī mengenai orientalis. Data untuk kajian ini dikumpulkan dari sumber bercetak dan elektronik yang mengandungi pelbagai maklumat mengenai subjek penyelidikan ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) atau analisis dokumentari (*documentary analysis*) yang lebih spesifik. Untuk kajian ini, buku, jurnal atau artikel berkaitan ḥadīth dan orientalis yang ditulis oleh para sarjana dan ilmuan digunakan untuk mengumpulkan data mengenai topik kajian. Penulis juga mengumpulkan maklumat dari sumber dalam talian seperti e-jurnal, artikel, tesis dan beberapa platform akademik yang lain.

Bagi memastikan kredibiliti kajian, penulis hanya menggunakan rujukan dari sumber primer dan sekunder serta hasil penulisan akademik yang telah diterbitkan, mempunyai kredibiliti dan ditulis oleh ahli akademik. Langkah ini penting bagi memastikan setiap maklumat yang diperoleh adalah tulen dan tidak mendatangkan keraguan. Setiap data, kaedah dan prosedur analisis yang digunakan disusun bersesuaian dengan kajian ini. Secara keseluruhan, metodologi yang diguna pakai

³ al-Ṣāliḥ, Ṣubḥī. 2003. *'Ulūm al-Ḥadīth wa-Muṣṭalaḥuh*. Dār al-'Ilm lil-Malāyīn.

⁴ al-A'zamī, Muṣṭafā. 1980. *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawī wa-Tārīkh Tadwīnih*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

⁵ al-Khaṭīb, 'Ajjāj. 1988. *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. Qāhirah: Maktabah al-Wahbah.

⁶ al-Sibā'ī, Mustafā. 2003. *al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Salām.

dalam kajian ini telah membantu penulis untuk menganalisis secara kritis setiap kandungan data yang diperoleh, seterusnya dapat menerangkan topik utama kajian iaitu perspektif Mustafā al-Sibā'ī terhadap orientalis berdasarkan hasil karyanya iaitu Kitab *Al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*.

BIOGRAFI MUSTAFĀ AL-SIBĀ'Ī

Mustafā al-Sibā'ī atau Mustafā bin Husnī Abū Hasan al-Sibā'ī dilahirkan pada tahun 1915 Masihi bersamaan 1333 Hijrah di Homs, sebuah kota yang terletak di Syria.⁷ Beliau mula mempelajari ilmu-ilmu asas terutamanya ilmu agama dari bapanya sendiri, Shaykh Husnī Abū Hasan al-Sibā'ī yang merupakan seorang ulama terkemuka di negerinya. Beliau menamatkan pengajiannya di peringkat rendah dan tinggi di *Madrasa Mas'ūdiyya*, sebuah institusi pendidikan Islam yang ulung di Damaskus pada zaman itu. Selain mendapatkan pendidikan formal, beliau juga tidak melepaskan peluang untuk menuntut ilmu daripada para ulama dan ilmuan Muslim yang masyhur di Syria. Antara guru beliau ialah Shaykh Tāhir al-Atasi, Shaykh Zahid al-Atasi, Shaykh Muḥammad al-Yasīn, Shaykh Anis Kalalib dan beberapa ulama besar di Damaskus.⁸ Beliau membesar dengan sangat baik dalam keluarga Muslim yang dihormati. Dalam usia yang muda beliau telah mampu menghafal al-Quran disamping prestasi pembelajarannya yang cukup baik kerana sering mendapat kedudukan teratas di dalam kelas dan mempunyai hafalan yang kuat. Beliau juga mempunyai bakat dalam berpidato atau berkhotbah dan sering menjadi pengganti bapanya.⁹

Pada tahun 1933 Masihi, al-Sibā'ī yang telah mencecah usia 18 tahun merantau ke Mesir bagi melanjutkan pengajiannya sehingga ke peringkat PhD di Universiti Al-

⁷ Masrukhin Muhin. 2012. *Hadith Menurut Mustafā al-Sibā'ī Dan Ahmad Amin (Suatu Kajian Komparatif)*. Jurnal Al-Fath. Vol. 6. Banten: Fakultas Ushuluddin Dan Adab UIN Banten. h. 37.

⁸ al-Sibā'ī, Mustafā. 1998. *Hakadhā 'Allamatnī al-Hayāh*. Bayrūt: Dār al-Warrāq.

⁹ Juriono, Achyar Zein & Ardiansyah. 2017. *Metode Kritik Matan Mustafā al-Sibā'ī Dalam Kitab al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*. At-Taḥdis: Journal of Hadith Studies. Vol. 1. Medan: UIN Sumatera Utara. h. 68.

Azhar dalam bidang Fiqh, Usul dan Sejarah Perundangan Islam.¹⁰ Pada ketika inilah beliau mula menyertai *Ikhwanul Muslimin* dan bergerak aktif bersama Hasan al-Banna dan seterusnya menjadi *Murāqib 'Am Ikhwanul Muslimin* Syria. Beliau terus aktif bersama *Ikhwanul Muslimin* di Mesir dengan menyertai pelbagai demonstrasi dalam menentang penjajahan Inggeris pada tahun 1941 Masihi disamping menyokong revolusi Rasyid Ali Kailani di Iraq bagi melawan penjajah Inggeris. Al-Sibā'ī juga tidak terlepas dari menjadi tahanan pemerintah Mesir pada waktu itu di bawah arahan penjajah Inggeris. Bersama beliau ialah rakan-rakan mahasiswa seperti Masyhur al-Ḍamin, Ibrahim al-Qaṭṭān, Hasyim al-Khazandar, Faris Hamdani, Ali al-Duwaik dan Yusuf al-Masyari. Mereka berada di dalam tahanan selama lebih kurang tiga bulan sebelum dipindahkan ke penjara Şarfanda di Palestin dan ditahan selama empat bulan. Akhirnya mereka dibebaskan dengan jaminan atau bebas bersyarat.¹¹

Setelah dibebaskan, Mustafā al-Sibā'ī tidak sesekali gentar malah semakin teguh membela dan mempertahankan kebenaran. Beliau memimpin perjuangan membela al-Quran dalam sidang parlimen dan mengetuai demonstrasi di Damaskus demi menegakkan undang-undang Islam. Beliau dan rakan-rakannya kemudian berjaya menghalang unsur-unsur pemikiran sekular dalam sistem perundangan dan menyuntik pemikiran Islamik dalam sebahagian besar hukum perundangan pada tahun 1950 Masihi. Pada tahun yang sama juga, al-Sibā'ī dilantik sebagai Dekan Fakulti Perundangan Islam Universiti Damaskus. Beliau terus aktif sebagai tenaga pengajar di institusi-institusi Islam dan pengajian tinggi serta menyebarkan ilmu menerusi dunia penerbitan. Pada tahun 1951 Masihi, beliau menghadiri Mukhtamar Umum Islam di Pakistan yang dihadiri oleh wakil-wakil negara Islam dari seluruh pelosok dunia. Pada tahun berikutnya, al-Sibā'ī bersama rakan-rakan seperjuangannya menuntut keizinan dari pemerintah Syria agar membenarkan mereka memerangi pihak Inggeris di Terusan Suez. Namun pemerintah Syria pada waktu itu, Adib al-Syaisyakali, bukan sahaja menentang malah terus memerintahkan

¹⁰ Masrukhin Muhiin, *op.cit.*, h. 37.

¹¹ Juriono et al., *op.cit.*, h. 69.

agar gerakan *Ikhwanul Muslimin* dibubarkan, serta para pejuangnya dipenjarakan termasuk al-Sibā'ī. Beliau kemudiannya dilucutkan jawatan dari jabatannya di Universiti Damaskus dan dihantar pulang ke Lubnan.¹²

Pada tahun 1953 Masihi, sekali lagi diadakan Mukhtar Umum Islam di Al-Quds dan dihadiri wakil-wakil *Ikhwanul Muslimin* dari seluruh negara-negara Islam. Pada tahun itu juga, al-Sibā'ī berkunjung ke Mesir dan buat pertama kalinya bertemu dengan Yusuf al-Qarḍawi, Ahmad al-Assal dan Muhammad al-Damardasy. Pada tahun berikutnya, al-Sibā'ī menghadiri Mukhtar Islam Kristian yang bertujuan untuk memberi hujah balas terhadap dakwaan musuh-musuh Islam dari kalangan orientalis dan penganut Kristian. Beliau juga menghadiri pertemuan di Lubnan atas undangan Hasan al-Hudhaibi, *Mursyid 'Am* kedua *Ikhwanul Muslimin* di negara-negara Arab. Delegasi Mesir yang mengiringi Hasan al-Hudhaibi adalah Abdul Hakim Abidin, Said Ramadhan, Shalih Abu Raqiq, dan Munir Dallah. Manakala dari Syria, Mustafā al-Sibā'ī, dari Jordan, Muhammad Abdur Rahman Khalifah, dari Sudan, Ali Thalibullah, dari Iraq, Muhammad Mahmud al-Shawwaf, dan dari Kuwait, Abdul Aziz al-Muthawwi'.¹³

Begitulah serba ringkas perjalanan hidup serta perjuangan Mustafā al-Sibā'ī sebelum beliau meninggal dunia pada tanggal 3 Oktober 1964 Masihi di tanah kelahirannya setelah lapan tahun menghidapi penyakit.¹⁴ Namanya cukup dikenali bukan sahaja dalam dunia politik malah dunia kesarjanaan Islam. Beliau terkenal sebagai seorang yang memiliki semangat juang yang tinggi serta gaya berbicara yang lantang sehingga menggentarkan pihak lawan. Banyak hasil karya beliau terus dijadikan rujukan umat Islam di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Antara kitab-kitab hasil karangan beliau ialah *Aḥkām al-Ṣiyām wa Falsafatuhu*, *Akhlāqunā al-Ijtimā'iyah*, *al-Istishrāq wa al-Mustashriqūn*, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, *'Aẓamā'unā fī al-Tārīkh*, *al-Mar'atu Bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*, *Min Rawā'i' Ḥaḍāratinā*, *Hādhā Huwa al-*

¹² Ibid.

¹³ Ibid. h. 69-70.

¹⁴ Masrukhin Muhin, *op.cit.*, h. 38.

*Islām, al-Qalāid min Farā'id al-Fawā'id, al-Waṣāya wa Farā'id,*¹⁵ serta kitab yang akan dibincangkan iaitu *al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*.

KITAB AL-SUNNAH WA-MAKĀNATUHĀ FĪ AL-TASHRĪ' AL-ISLĀMĪ

Kitab ini merupakan antara hasil karya Mustafā al-Sibā'ī yang paling utama disamping kitab-kitab beliau yang lain. Kitab *Al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*, atau terjemahannya, *Sunnah dan Peranannya Dalam Penetapan Hukum Islam* telah menerima pelbagai reaksi positif. Kitab ini bukan sahaja diterima baik oleh para sarjana dan penuntut akademik, malah dari masyarakat Islam secara amnya. Hal ini bukan hanya kerana mesejnya yang bersifat universal, tetapi kerana pengarangnya mengambil kira setiap tingkat golongan pembaca dalam menulis kitabnya. Bagi para sarjana, penulis mengambil pendekatan menyampaikan input secara teratur, terperinci, dan komprehensif. Manakala bagi para pelajar, mereka dapat menemui bukti dan hujah yang mereka perlukan untuk meningkatkan tahap pemahaman mereka.

Bagi umat Islam pula, mudah untuk mereka membaca dan memahami isi kandungan kitab ini kerana topik-topik yang sukar disampaikan dalam bahasa yang mudah dibaca dan telus. Sebelum membaca karya ini, mungkin akan timbul keraguan atau persoalan mengenai kemungkinan maklumat yang terdapat di dalamnya sudah ketinggalan zaman dan sudah tidak relevan. Tidak dinafikan bahawa sebahagian konteks perbincangan berkaitan dengan orientalis dan musuh Islam sekitar tahun 1940-an dan 50-an. Namun perbincangan itu ternyata masih relevan dan bertepatan dengan masa kini kerana para orientalis dan musuh-musuh Islam pada hari ini masih mengikuti dan mengemukakan hujah yang sama seperti mereka yang terdahulu. Selebihnya buku ini mengupas isu yang tidak pernah luput dek zaman dan tetap sesuai sebagai bahan rujukan dan bacaan sehingga hari ini.

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kitab ini, harus dikongsikan bahawa al-Sibā'ī menempuh beberapa kesukaran sewaktu mengarang

¹⁵ Juriono et al., *op.cit.*, h. 70.

kitab ulung ini. Kekurangan bahan-bahan rujukan menyebabkan al-Sibā'ī terpaksa merantau dari satu tempat ke tempat yang lain demi mencari bahan yang diperlukan. Tambahan pula, keadaan pada waktu itu menyebabkan beliau sangat sukar untuk bertemu dengan para gurunya untuk berbincang mengenai permasalahan dalam penyelidikannya. Pada mulanya, kitab ini tidak dicetak untuk diedarkan, tetapi terhad dalam kalangan pelajar dan sarjana yang terdekat sahaja ketika al-Sibā'ī menyerahkannya sebagai tesis Ph.D. di Universiti Al-Azhar.¹⁶ Beberapa bab daripada kitab ini juga telah dicetak sebagai artikel dalam beberapa majalah Islam di Kaherah, Damsyik, dan juga beberapa tempat yang lain. Ramai pembaca menulis kepada beliau, meminta agar diterbitkan hasil penulisannya itu, namun beliau menunda terlebih dahulu kerana beliau masih ingin menambahbaik karyanya itu.¹⁷

Walaupun bagaimanapun, Kitab *Adwa 'alā al-Sunnah al-Muhammadiyah* diterbitkan. Oleh kerana kitab tersebut menyerang kredibiliti al-Sunnah dan para perawinya dengan menggunakan hujah yang sukar disangkal, maka sahabat-sahabat al-Sibā'ī menggesa agar kitab beliau diterbitkan. Mereka menegaskan bahawa karya sebegini diperlukan untuk mengatasi kesan dari kitab Abu Rayyah sekaligus mendedahkan kepalsuan yang cuba disembarkannya. Maka beliau menyerahkan karya beliau untuk dicetak dan mengekalkan isi kandungannya kecuali sedikit penambahan yang sempat beliau lakukan.¹⁸ Sewaktu edisi pertama kitab ini akhirnya dicetak, al-Sibā'ī menderita penyakit kronik. Namun kitab ini mendapat sambutan hangat dari masyarakat terutama dari mereka yang menghargai kepentingan karya tersebut. Walaupun beliau sangat lemah pada ketika itu akibat dari penyakit yang dihadapinya, beliau masih membuat penambahbaikan dan menambah ulasan-ulasan penting dalam kitabnya untuk diterbitkan dalam edisi yang seterusnya, dan beliau melakukannya sehinggalah beliau meninggal dunia.¹⁹

¹⁶ al-Sibā'ī, Mustafā. 2008. *al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*, terj. Faisal Muhammad Shafeeq, *The Sunnah and Its Role in Islamic Legislation*. Riyadh: International Islamic Publishing House. h. 26.

¹⁷ al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 33.

¹⁸ Ibid. h. 33-34.

¹⁹ al-Sibā'ī, terj., *op.cit.*, h. 27.

Mustafā al-Sibā'ī telah menghasilkan karya yang sangat penting mengenai sunnah dengan penuh ketelitian dan perincian yang tersusun. Al-Sibā'ī merangkumkan semua aspek sunnah dan membentangkan hasil kajian terperinci mengenai pelbagai isu yang berkisar mengenai sunnah. Secara keseluruhannya, isi kandungan kitab ini amat bersesuaian dengan tajuknya. Dalam kitab ini, al-Sibā'ī menyangkal pembohongan dan keraguan yang ditimbulkan mengenai ḥadīth dengan menjelaskan betapa terperinci dan telitinya para ulama ḥadīth dalam menilai kesahihan ḥadīth dari sudut *sanad* dan juga *matan*. Berdasarkan hujah yang kuat dan sangat meyakinkan, beliau membidas setiap dakwaan orientalis. Setiap idea bernas yang dikemukakan dilampir bersama hujah dan bukti yang jelas. Terdapat juga sebahagian daripada topik di dalam buku ini yang barangkali tidak dibincangkan secara mendalam. Hal ini kerana topik tersebut tidak berkait rapat dengan teras utama beberapa subjek dalam karya ini dan al-Sibā'ī membincangkannya hanya kerana ianya berkaitan dengan tema utama kitab ini.

Merujuk kepada isi kandungan kitab ini, al-Sibā'ī membahagikan kitab beliau kepada tiga bahagian dan diakhiri dengan bahagian lampiran biografi. Bahagian pertama kitabnya diberi tajuk 'Definisi al-Sunnah Serta Bagaimana ia Diriwatkan dan Direkodkan'. Dalam bahagian awal kitabnya ini, beliau melakarkan dengan jelas dan ringkas, pelbagai tahap perkembangan sejarah al-Sunnah pada awal abad Islam, sejak ianya disebarkan melalui penuturan lisan sehinggalah ḥadīth dengan rasminya dicatat secara bertulis dan dibukukan. Kemudian beliau menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan tersebarnya kegiatan pemalsuan ḥadīth sejak sekian lama. Setelah itu, beliau memperincikan sejarah pencapaian hebat para ulama ḥadīth dalam mengekalkan kesahihan setiap ḥadīth yang diriwatkan. Beliau menjelaskan bagaimana sunnah disucikan dari segala jenis pemalsuan dan pembohongan melalui sumbangan para ulama. al-Sibā'ī kemudiannya menyenaraikan pelbagai cabang bidang ilmu ḥadīth hasil daripada kajian dan usaha para ulama ḥadīth. Dalam bab yang kedua, 'Pelbagai Keraguan Mengenai Sunnah Sejak Berabad yang Lalu', al-Sibā'ī membincangkan mengenai golongan musuh Islam yang menyerang sunnah dan para perawinya sejak sekian lama. Sejurus selepas beliau menyatakan dakwaan-dakwaan

mereka, beliau terus mengemukakan hujah yang tidak dapat disangkal bagi menjawab dan membuktikan pembongkaran mereka.

Dalam bab yang terakhir iaitu bab ketiga yang bertajuk 'Kedudukan Sunnah dalam Perundangan Islam', al-Sibā'ī mengupas dengan lebih terperinci mengenai kedudukan antara al-Sunnah dengan al-Quran dan kaitan antara kedua-dua sumber hukum ini. Akhir sekali, beliau mengakhiri penulisan beliau dengan lampiran yang sangat bermanfaat di mana beliau membahaskan mengenai empat Imam mazhab yang utama dan enam Imam *Kutub al-Sittah*. Al-Sibā'ī tidak hanya memusatkan perhatian pada biografi mereka sahaja, malah turut berdiskusi mengenai pendekatan yang mereka gunakan dalam *istinbat* hukum dari ḥadīth. Metodologi setiap Imam dibahaskan secara berasingan, justeru memudahkan para pelajar untuk melihat mengapa wujudnya perbezaan pendapat dalam beberapa bab *fiqh*.

PERSPEKTIF MUSTAFĀ AL-SIBĀ'Ī MENGENAI ORIENTALIST

Sejak sekian lama, al-Sunnah menghadapi serangan dari orientalis yang tidak berputus asa untuk menghancurkan asas perundangan Islam. Dalam beberapa bahagian karya ini, Mustafā al-Sibā'ī membincangkan mengenai orientalis yang mempengaruhi idea pemikiran umat Islam khususnya sarjana dan penulis Muslim. Namun, beliau menyatakan bahawa beliau menulis mengenai orientalis sebelum beliau berpeluang bertemu sendiri dengan mereka secara langsung untuk berdiskusi mengenai pendapat mereka sewaktu beliau mengunjungi pelbagai universiti di Eropah pada tahun 1956. Beliau juga telah bertemu dengan ramai profesor lain dari Sweden, Belgium, Denmark, Norway, Finland, Jerman, Switzerland, dan Perancis.²⁰ Melalui pengalaman bertemu mereka secara langsung, beliau mengakui bahawa beliau semakin yakin tentang bahaya besar yang dibawa oleh mereka terhadap warisan Islam kerana hati mereka telah dipenuhi dengan kebencian dan dendam terhadap Islam, Arab, dan Muslim.

²⁰ Mustafā al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 45.

Orientalis Mendominasi Pengajian Islam Di Barat

Al-Sibā'ī mendapati bahawa Orientalisme diterima dengan sangat baik di universiti-universiti di Britain, seperti Universiti Oxford, London, Cambridge, Edinburgh, dan Glasgow sehinggakan Dekan Pengajian Islam mereka juga bukan beragama Islam. Di Universiti Edinburgh, Dekan Fakulti Pengajian Islam mereka adalah orientalis yang merupakan seorang paderi Kristian, manakala Dekan Pengajian Arab di Universiti Glasgow adalah seorang mubaligh, dan di Universiti Oxford, Dekan Pengajian Islam mereka adalah seorang Yahudi. Buku rujukan yang digunakan untuk kurikulum pula adalah buku-buku hasil karya orientalis seperti Ignaz Goldziher, D.S. Margoliouth, dan Joseph Schacht.²¹ Mereka cenderung menyimpan buku-buku orientalis sebagai buku rujukan utama fakulti mereka terutamanya untuk Pengajian Islam.

Sangat menyedihkan apabila pelajar dari negara-negara Islam terpaksa memasuki 'Universiti Inggeris' untuk melanjutkan pengajian, dan pelajar pengajian Islam, yang tidak mengetahui bahasa Arab, hanya terhad kepada sumber berbahasa Inggeris. Orientalis telah menulis sebahagian besar buku mengenai Islam dalam bahasa Inggeris dan bahasa Eropah yang lain. Buku-buku tersebut diakui kononnya diambil dari sumber rujukan Islam dan disebar untuk digunapakai di setiap universiti termasuk universiti Islam. Hal ini menyebabkan pelajar Muslim di universiti-universiti Islam menerima secara tidak langsung idea pemikiran mereka dari buku-buku tersebut yang dianggap penuh dengan fakta sejarah sebenar.

Di Manchester, England, al-Sibā'ī bertemu dengan Profesor J. Robson yang mana sebahagian besar pandangannya seiring dengan orientalis yang terkenal dengan penentangan mereka terhadap Islam. Al-Sibā'ī cuba meyakinkannya bahawa kajian orientalis pada masa lalu adalah berat sebelah serta cenderung kepada logik dan kesimpulan yang salah. Al-Sibā'ī menunjukkan pelbagai kesalahan dalam hujah Goldziher yang tidak selaras dengan fakta sejarah. Profesor J. Robson mengakui dan

²¹ Ibid. h. 44.

menerimanya dengan baik dan menyatakan bahawa beliau berharap dapat memperbaiki karya para orientalis yang terdahulu.²² Di Universiti Cambridge, Dekan Pengajian Arab dan Islam mereka juga adalah seorang orientalis yang hanya pakar dalam bahasa Arab. Dalam diskusi beliau bersama al-Sibā'ī, beliau sendiri mengakui bahawa mereka para orientalis telah melakukan banyak kesilapan dalam penyelidikan mereka mengenai Islam serta menyedari bahawa mereka tidak boleh menyelidiki bidang ini, kerana para sarjana Arab Muslim lebih layak daripada mereka untuk menjalankan penyelidikan tersebut.²³

Di Universiti Leyden, Belanda, al-Sibā'ī bertemu pula dengan orientalis Yahudi, Joseph Schacht, anak murid Ignaz Goldziher yang sering menyokong idea pemikiran yang dibawa oleh gurunya. Al-Sibā'ī menunjukkan kepada Schacht pelbagai kesilapan dalam hasil penulisan buku Goldziher dan beliau sekadar menyatakan bahawa Goldziher tersilap. Namun al-Sibā'ī tetap terus mengemukakan bukti demi bukti bahawa Goldziher bukan sekadar tersilap tetapi telah melakukan pembohongan dan penyelewengan fakta. Hal ini menyebabkan Schacht berang dan enggan mengakui kesalahan tersebut serta tetap dengan pendiriannya mempertahankan gurunya. Schacht ada menulis sebuah buku mengenai sejarah perundangan Islam dan ianya dipenuhi dengan penyelewengan dan pembohongan, justeru membuktikan bahawa dia mengikuti metodologi yang sama dengan gurunya.²⁴

Semasa al-Sibā'ī tiba di Eropah, Profesor James Anderson adalah sarjana pertama yang beliau temui. Anderson merupakan Dekan salah satu fakulti undang-undang dengan pengkhususan berkaitan dunia Islam, di Universiti London. Beliau mempunyai ijazah dalam bidang teologi dari Universiti Cambridge. Dari perbincangan yang panjang dengan beliau, al-Sibā'ī mendapati beliau mempunyai banyak prasangka negatif yang mendalam terhadap Islam. Beliau ada berkongsi

²² Ibid.

²³ Ibid. h. 44-45.

²⁴ Ibid.

dengan al-Sibā'ī mengenai seorang pelajar yang beliau keluarkan dari Universiti dengan satu alasan sahaja, tesis pelajar tersebut berjudul, Hak Wanita dalam Islam, dan pelajar tersebut telah membuktikan bahawa Islam memberikan kepada wanita hak mereka. Al-Sibā'ī mempersoalkan tindakan beliau yang seakan-akan bertentangan dengan hak kebebasan berfikir yang dipromosikan oleh institusi pendidikan di Barat. Beliau memberi alasan bahawa pelajar tersebut bukanlah Abu Hanifah, al-Shafie mahupun jurucakap Islam yang layak untuk menyatakan hal-hal seperti itu.²⁵ Alasan tersebut jelas tidak munasabah namun begitulah kebanyakan alasan yang diterima al-Sibā'ī sepanjang pertemuannya dengan ramai lagi orientalis yang lain.

Selain itu, Dr. Mohammed Amin yang merupakan graduan Universiti Azhar, turut berkongsi dengan al-Sibā'ī bahawa beliau telah memutuskan untuk menjadikan kritikan terhadap buku Joseph Schacht sebagai tajuk tesis Ph.D beliau. Hal ini kerana beliau terkejut bagaimana orientalis, terutamanya Schacht, memutarbelitkan ajaran Islam. Beliau memaklumkan kepada Profesor Anderson mengenai tajuk tesisnya dengan harapan, sebagai penyelia fakulti, Profesor Anderson akan meluluskan cadangan tajuk tersebut, namun ternyata tajuk tersebut ditolak. Setelah beliau hilang harapan untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti London, beliau pergi ke Universiti Cambridge dan mencadangkan topik yang sama untuk tesisnya. Namun, beliau dengan jelas diberitahu bahawa jika ingin lulus, lebih baik baginya untuk tidak menulis secara negatif mengenai Schacht, kerana pihak Universiti tidak akan membenarkan hal seperti itu terjadi. Beliau kemudian menukar topiknya menjadi '*The Standard of Ḥadīth Criticism among the Scholars of Ḥadīth*'. Akhirnya, mereka meluluskan tajuk beliau dan seterusnya memperoleh ijazah Ph.D beliau.²⁶

Hal begini seringkali terjadi dan sama sekali tidak boleh diterima, apabila seorang bangsa Arab atau seorang Muslim ingin menyelesaikan tesisnya untuk Ph.D.,

²⁵ Ibid. h. 43-44.

²⁶ Ibid. h. 46-47.

bahagian pentadbiran universiti tidak akan meluluskannya sekiranya penulisan tesis tersebut menyatakan kebenaran mengenai Islam. Oleh itu, al-Sibā'ī berpendapat bahawa sangat penting bagi universiti-universiti Arab untuk merancang dan menubuhkan beberapa cawangan universiti di negara-negara luar dan juga menyusun kurikulum dalam bahasa Inggeris, supaya para pelajar bukan sahaja dapat memperoleh Ph.D. melalui pembelajaran dalam bahasa Inggeris, malah yang lebih penting mereka dapat mempelajari pengajian Islam dari sumber yang betul. Beliau percaya bahawa usaha ini boleh mendorong lebih ramai pelajar Muslim untuk belajar di universiti dari negara Arab berbanding universiti dari Barat. Dengan cara ini, para pelajar dapat dilindungi dari terdedah kepada segala propaganda dan pembohongan yang disebarkan oleh para orientalis dan penjajah. Namun, hal ini bukan sahaja terjadi kepada pelajar Muslim, malah sebilangan penulis Muslim juga telah dipengaruhi dan ditipu oleh pemikiran orientalis.

Orientalis Mempengaruhi Pemikiran Penulis Muslim

Orientalis telah mengabdikan hidup mereka untuk mendalami warisan budaya, perbendaharaan, dan peradaban umat Islam. Tidak keterlaluan jika dikatakan mereka menghabiskan masa puluhan tahun untuk menghasilkan sebuah naskhah khusus mengenai sejarah Islam. Rujukan mereka sudah tentulah karya-karya agung para sarjana Islam yang terdahulu. Hasil penyelidikan mereka yang berterusan dan penuh dedikasi telah membuat sebahagian intelektual Muslim kagum dan membandingkan dengan hasil penyelidikan mereka sendiri. Justeru hasil-hasil karya orientalis diambil dan diterima sebagai rujukan kerana dilihat sangat hebat, lengkap dan terperinci. Mereka percaya bahawa penyelidikan orientalis sudah tentulah berlandaskan prinsip yang teguh dalam penelitian ilmiah mereka tanpa sebarang penyelewengan. Mereka sama sekali tidak sedar mereka telah diperdaya oleh orientalis yang kononnya berpengetahuan sangat luas dan menyebarkan fakta yang benar sahaja.

Agak menghairankan mengapa sebahagian intelektual Muslim ini dengan mudah menerima pandangan orientalis tanpa merujuk terlebih dahulu kepada sumber rujukan Islam yang sama digunakan oleh para orientalis tersebut. Al-Sibā'ī menyatakan kemungkinan hal ini adalah kerana mereka sukar untuk mendapatkan sumber rujukan tersebut, atau mereka inginkan jalan mudah untuk mendapatkan hasil penyelidikan, atau keinginan mereka untuk membawakan idea-idea yang bertentangan dengan apa yang diterima dalam kalangan Muslim.²⁷ Maka tidak hairanlah mengapa sejumlah penulis Muslim mempercayai hasil karya orientalis justeru dibohongi oleh mereka. 'Alī Hasan 'Abdul Qādir, Ahmad Amin dan Abu Rayyah adalah antara penulis yang telah terpengaruh dengan pemikiran orientalis.

Di dalam kitab beliau, al-Sibā'ī ada menukilkan tentang insiden yang berlaku antara beliau dengan 'Abdul Qādir sewaktu beliau masih merupakan pelajar universiti. Beliau membuat penyelidikan dan mengumpulkan sejumlah besar maklumat yang sahih mengenai Imam al-Zuhri selama tiga bulan demi menjawab dakwaan-dakwaan 'Abdul Qādir terhadap Imam Ahli Sunnah tersebut. Dakwaan 'Abdul Qādir berdasarkan hasil penulisan Goldziher yang menuduh Imam al-Zuhri memalsukan ḥadīth untuk penguasa Bani Umayyah. Al-Sibā'ī menyampaikan ceramah mengenai topik tersebut dan akhirnya 'Abdul Qādir mengakui bahawa beliau belum mengenali siapakah Imam al-Zuhri sehinggalah saat itu dan beliau menerima kebenaran setiap hujah al-Sibā'ī.²⁸ Insiden ini merupakan salah satu faktor al-Sibā'ī menghasilkan karya ini.

Sementara itu, di dalam kitab ini juga al-Sibā'ī telah mendedikasikan satu bab khusus untuk membincangkan pandangannya mengenai Ahmad Amin. Terkenal sebagai penulis kontemporari, antara buku hasil tulisan Ahmad Amin ialah *Fajr al-Islām*, *Ḍuḥā al-Islām* dan *Dhuhr al-Islām*. Hasil karyanya seperti *Fajr al-Islām* mengetengahkan idea pemikiran orientalis mengenai kesusasteraan ḥadīth dengan mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan, kenyataan dengan kebohongan,

²⁷ Ibid. h. 52.

²⁸ Ibid. h. 48-49.

petunjuk dengan penyelewengan.²⁹ Ramai para Sahabat dan Tabi'in yang masyhur dikritik dengan hebat oleh Ahmad Amin dalam bukunya itu. Justeru, al-Sibā'i menegaskan bahawa terdapat banyak masalah, penyelewengan dan kesalahan yang telah dilakukan oleh Ahmad Amin dalam penulisannya ini. Setiap satunya telah diteliti dan dibidas dengan hujah yang kukuh oleh al-Sibā'i dalam kitab beliau ini. Dalam pada itu, Abu Rayyah merupakan seorang lagi penulis dari negara Islam yang telah terpengaruh dan menjadi anak murid orientalis. Selain Ahmad Amin yang banyak melemparkan fitnah terhadap Abu Hurayrah, Abu Rayyah juga turut mempertikaikan kewibawaan Abu Hurayrah dalam bukunya yang berjudul *Adwā 'alā al-Sunnah al-Muhammadiyah*.

Al-Sibā'i menyifatkan Abu Rayyah sebagai penulis yang lebih lancang dalam penulisannya yang dipengaruhi idea orientalis. Di dalam bukunya, Abu Rayyah mendakwa Abu Hurayrah tidak ikhlas memeluk agama Islam, tidak jujur ketika menyampaikan riwayat Nabi, memiliki selera yang tinggi atau tamak terhadap makanan dan kekayaan, berat sebelah terhadap Bani Umayyah, dan banyak lagi dakwaan yang menjengkelkan. Kelancangannya ini membuatkan Abu Rayyah kelihatan lebih teruk daripada golongan Mu'tazilah, Rafidah, malah orientalis. Setelah meneliti buku Abu Rayyah, al-Sibā'i menyimpulkan bahawa buku tersebut tidak mempunyai nilai ilmiah kerana tidak ditulis berdasarkan metodologi penyelidikan ilmiah yang betul dan penulis tidak mempunyai sifat kejujuran dan ketelitian untuk menghasilkan penulisan ilmiah.³⁰ Al-Sibā'i sendiri sangat berharap agar Abu Rayyah membaca kitabnya ini untuk mencari kebenaran dan dapat menarik kembali pelbagai pandangan yang telah dituliskannya dalam *Adwā 'alā al-Sunnah al-Muhammadiyah*.

²⁹ Ibid. h. 303-304.

³⁰ Ibid. h. 441.

Goldziher Sebagai 'Shaykh' Orientalis

Ignaz Goldziher merupakan seorang orientalis Yahudi yang disifatkan oleh al-Sibā'ī sebagai yang paling berbahaya. Dengan pengetahuannya yang luas mengenai sumber dalam bahasa Arab, Goldziher dianggap sebagai 'Shaykh' orientalis selama beberapa generasi. Karyanya terus dianggap sebagai buku rujukan penting untuk orientalis sehingga kini, antaranya *Muslim Studies* dan *Introduction to Islamic Theology and Law*. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, Ahmad Amin telah mengemukakan banyak idea dan pemikiran Goldziher dalam *Fajr al-Islām*. Begitu juga dengan 'Abdul Qādir yang telah mengaitkan banyak pandangan Goldziher dalam bukunya, *Nadhrah 'āmā fi Tārīkh al-Fiqh al-Islāmi*.³¹ Beliau banyak memetik kata-kata Goldziher dan kemudian memberi komen seolah-olah itu adalah fakta ilmiah dan sama sekali tidak akan menentang pandangan Goldziher kerana mempercayai para orientalis terutamanya Goldziher, adalah sekumpulan sarjana yang adil, yang tidak akan memutarbelitkan teks atau fakta.

Oleh kerana al-Sibā'ī mendapati buku-buku dan pendapat Goldziher memainkan peranan penting dalam mempengaruhi dan membimbing orientalis pada masa kini, beliau mengabdikan satu bab dari kitabnya untuk menolak pembohongan dan penyelewengan Goldziher. Al-Sibā'ī telah mengambil beberapa pandangan Goldziher yang berkaitan, dan kemudiannya terus membidas setiap pandangan tersebut satu persatu. Al-Siba'i juga mendapati bahawa Goldziher tidak mematuhi prinsip penyelidikan ilmiah, memutarbelitkan fakta setiap kali dirasakan perlu, dan berdusta demi menyokong dan melanjutkan hujah-hujahnya. Namun masih ramai pengikutnya yang tetap dengan pendirian mereka menyokong pendapat Goldziher tanpa sedikitpun syak wasangka. Amat menyedihkan apabila sebilangan umat Islam, seperti Ahmad Amin mengambil Goldziher sebagai 'Shaykh' mereka.

Orientalis Mempunyai Agenda Penjajahan

³¹ Ibid. h. 254.

Ketika tentera Salib menyerang tanah-tanah Muslim, mereka didorong oleh dua motif utama iaitu fanatik terhadap agama mereka dan juga cita-cita untuk menguasai politik dan menjajah negara Islam. Namun dengan kehendak Allah, tentera-tentera itu pada akhirnya gagal, walaupun setelah dua abad bertempur dan berperang secara berterusan. Pada waktu itu tentera Salib pulang dengan penuh kekecewaan, namun mereka sama sekali tidak berputus asa. Setelah dikaji semula dan mendapati bahawa hampir mustahil bagi mereka memenangi pertempuran senjata dan ketenteraan, mereka memutuskan untuk mempelajari kepercayaan dan warisan umat Islam, sebagai persediaan untuk pertempuran intelektual dan moral.³² Mereka kembali semula untuk bertempur dengan bersenjatakan ilmu pengetahuan dan para tenteranya terdiri daripada orientalis Kristian dan Yahudi, musuh yang paling membenci dan kuat menentang Islam. Walaupun terdapat sebahagian kecil sarjana mereka yang tidak menyeleweng dalam kajian mereka terhadap Islam, namun kebanyakan dari mereka telah meneliti dan mengkaji Islam untuk memutarbelitkan prinsip dan keindahan agama tersebut.

Hakikatnya, disebalik minat untuk mengkaji Islam adalah keinginan untuk menjajah dan meracuni pemikiran umat Islam. Para orientalis dapat mengkaji semua cabang ilmu yang berkaitan dengan Islam sama ada sejarah, fiqh, tafsir, ḥadīth, dan sebagainya. Didorong oleh pemerintah dan dapat mengabdikan diri sepenuhnya untuk tugas tersebut, mereka mempunyai rujukan yang lengkap untuk setiap cabang ilmu yang dikaji. Hal ini membolehkan mereka membuat penyelidikan secara mendalam dan terperinci sekaligus menghasilkan kajian hebat yang mampu memberi kesan terhadap dunia sarjana Islam. Justeru, hasil karya orientalis dianggap sebagai rujukan yang dipercayai oleh kebanyakan intelektual Muslim sendiri, sehingga tertipu dengan idea pemikiran mereka. Menyedari bahawa orientalis mempunyai agenda keagamaan dan penjajahan, al-Sibā'ī dapat membuat beberapa kesimpulan mengenai mereka iaitu;³³

³² Ibid. h. 251-252.

³³ Ibid. h. 46.

1. Majoriti orientalis terdiri daripada paderi, penjajah Inggeris mahupun yahudi.
2. Orientalis di negara penjajah mempunyai pandangan yang lebih ekstrem jika dibandingkan dengan orientalis di negara bukan penjajah.
3. Di negara bukan penjajah, orientalis kontemporari bersedia meninggalkan pandangan Goldziher apabila mengetahui kebenaran mengenai objektif jahatnya.
4. Di negara penjajah, gereja bersama dengan kementerian luar saling memberikan kerjasama penuh menyebarkan fahaman Orientalisme melalui gereja.
5. Negara-negara kolonial seperti Britain dan Perancis melihat kegiatan orientalis sebagai alat yang boleh mereka gunakan untuk menyerang Islam dan merosakkan reputasi umat Islam.

PENUTUP

Berdasarkan huraian dalam perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa Mustafā al-Sibā'ī merupakan seorang figura cendekiawan Islam yang sangat luas pengetahuannya dan tetap pendiriannya dalam mempertahankan kesucian *Sunnah Nabawiyah*. Kitab *Al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī 'al-Islāmī* merupakan hasil karya beliau yang boleh dijadikan salah satu bukti ketokohan dan keilmuan beliau. Setiap hujah yang beliau lampirkan sangat kukuh untuk membidas setiap dakwaan tidak berasas dari musuh Islam terutamanya orientalis. Sangat sedih apabila melihat ramai umat Islam telah jatuh ke dalam perangkap orientalis yang kononnya telah banyak membantu dalam kemajuan dunia keilmuan Islam. Penyelidikan ilmiah yang bertujuan mengkaji cabang-cabang ilmu Islam diseleweng dan diputarbelitkan setiap faktanya. Dalam bidang hadith, keraguan terhadap perawi, *sanad*, *matan* dan segala yang berkaitan dengan *sunnah* sengaja ditimbulkan agar umat Islam hilang keyakinan terhadap sumber hukum perundangan Islam ini.

Oleh sebab itu, umat Islam tidak boleh bergantung pada hasil karya atau rujukan dari barat untuk mengkaji ilmu pengajian Islam. Orientalis tidak perlu

menjadi orang tengah untuk umat Islam mendalami hasil karya para cendekiawan Islam yang terdahulu. Sumber yang tulen, asli, sahih dan diyakini kebenarannya perlu terus digali dan disebarakan bagi manfaat dunia sarjana Islam generasi kini dan akan datang. Musuh-musuh Islam tidak akan pernah berputus asa untuk memesongkan akidah umat Islam dengan pelbagai cara dan dari segala sudut yang tercapai dek akal mereka. Justeru, umat Islam perlu sentiasa bersedia untuk menangkis serangan musuh dengan terus mendalami dan mengkaji ilmu pengajian Islam. Umat Islam tidak sepatutnya terperdaya lagi dengan segala penyelewengan dan pembohongan orientalis, malah seharusnya telah mampu untuk membidas setiap fitnah yang dilemparkan terhadap agama Islam.

RUJUKAN

- al-A'zamī, Muṣṭafā. 1980. *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawī wa-Tārīkh Tadwīnih*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Khaṭīb, 'Ajjāj. 1988. *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. Qāhirah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Ṣāliḥ, Ṣubḥī. 2003. *'Ulūm al-Ḥadīth wa-Muṣṭalaḥuh*. Bayrūt: Dār al-'Ilm lil-Malāyīn.
- al-Sibā'ī, Mustafā. 1998. *Hakadhā 'Allamatnī al-Ḥayāh*. Bayrūt: Dār al-Warrāq.
- al-Sibā'ī, Mustafā. 2003. *al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- al-Sibā'ī, Mustafā. 2008. *al-Sunnah wa-Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*, terj. Faisal Muhammad Shafeeq, *The Sunnah and Its Role in Islamic Legislation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Juriono, Achyar Zein & Ardiansyah. 2017. *Metode Kritik Matan Mustafā al-Sibā'ī Dalam Kitab al-Sunnah wa-Makānatuhā Fī al-Tashrī' al-Islāmī*. At-Taḥdis: Journal of Hadith Studies. Vol. 1. Medan: UIN Sumatera Utara.

- Masrukhin Muhin. 2012. *Hadith Menurut Mustafā al-Sibā'ī Dan Ahmad Amin (Suatu Kajian Komparatif)*. Jurnal Al-Fath. Vol. 6. Banten: Fakultas Ushuluddin Dan Adab UIN Banten.
- Mohammed Salem Alshehri. 2014. *Western Works And Views On Ḥadīth: Beginnings, Nature, And Impact*. Marmara Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi. Vol. 46. Istanbul: Universiti Marmara.
- Mohd Muhiden. 1997. *Pandangan Orientalis Terhadap al-Hadith Dan Jawabannya Dari Perspektif Islam*. Jurnal Ushuluddin. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.